

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2000/2001

September 2000

STW331 - Undang-Undang Untuk Pekerja Sosial

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini. Kertas ini mengandungi lampiran. Sila baca arahan berkaitan lampiran di mukasurat 4.

Anda dikehendaki menjawab TIGA (3) soalan semuanya. Jawab SATU (1) soalan daripada Bahagian A dan DUA (2) soalan daripada Bahagian B. Anda dinasihatkan menjawab setiap soalan dalam 3-6 mukasurat kertas jawapan sahaja.

**Bahagian A**

Jawab SATU (1) soalan sahaja daripada Bahagian ini.

1. Bincangkan secara kritikal peranan-peranan dan had-had Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang yang menjamin kepentingan individu dan masyarakat di Malaysia.  
(100 markah)
  
2. (a) Mengapa undang-undang pentadbiran penting dalam sistem undang-undang negara?  
(30 markah)  
(b) Bagaimana undang-undang pentadbiran memberi keadilan kepada individu dan masyarakat dalam negara?  
(70 markah)

### Bahagian B

Jawab DUA (2) soalan daripada Bahagian ini.

3. Klien anda, seorang wanita, telah ditinggal langsung oleh suaminya selama lebih daripada 2 tahun dan ingin membubarkan perkahwinannya. Mereka tidak mempunyai anak. Sebagai seorang pekerja sosial yang telah mendapat sedikit pendedahan tentang undang-undang perkahwinan dan perceraian di Malaysia, cadangkan penyelesaian atau remedi undang-undang yang boleh diperolehnya jika klien anda:

- a) seorang bukan Islam

atau

- b) seorang Islam.

(100 markah)

4. Wirawan telah ditahan oleh 2 orang polis dan diminta mengikut mereka ke balai polis. Apabila ditanya, polis tersebut menyatakan mereka tidak mempunyai waran dan mereka tidak memberitahu Wirawan dengan jelas mengapa mereka menahannya. Wirawan, bagaimanapun, telah bersetuju mengikut polis ke balai polis. Di balai polis, Wirawan dibawa ke sebuah bilik dan disuruh menunggu di dalamnya. Bilik itu kemudian dikunci dari luar. Selepas 22 jam pintu dibuka dan Wirawan diberitahu oleh salah seorang anggota polis yang menahannya tadi bahawa dia telah ditangkap kerana disyaki menerima rasuah secara bertentangan dengan seksyen 161, Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara 3 tahun. Kesalahan itu adalah satu kesalahan "tidak boleh tangkap" di bawah Kanun Acara Jenayah. Apabila Wirawan meminta untuk menelefon peguamnya, polis tidak membenarkan tetapi mengatakan mereka akan membenarkannya berjumpa dengan seorang peguam dari Biro Bantuan Guaman yang akan dipanggil oleh polis. Mereka kemudiannya meminta Wirawan mengikut mereka dalam kereta polis untuk dibawa berjumpa seorang majistret. Dalam perjalanan, anggota-anggota polis tersebut berasa lapar dan telah berhenti makan di sebuah gerai. Wirawan ditinggalkan di dalam kereta polis yang dikunci dan tidak boleh dibuka dari dalam. 3 jam kemudian, dia dibawa kamar majistret.

**Jika anda Wirawan, bincangkan perkara-perkara yang anda fikir telah dilakukan terhadap anda yang bertentangan dengan hak-hak anda di bawah undang-undang Malaysia dan bentuk-bentuk penyelesaian yang anda jangka anda boleh perolehi daripada sistem undang-undang di Malaysia.**

(100 markah)

5. Bahaskan keberkesanan undang-undang Malaysia dalam memberikan remedii undang-undang kepada:
- (a) isteri-isteri yang mengalami keganasan di tangan suami  
atau
- (b) kanak-kanak yang didera oleh ibu bapa atau penjaga mereka
- (100 markah)
6. Huraikan dengan kritikal bagaimana Akta Mahkamah Juvana 1947 membezakan penyelesaian undang-undang antara seorang dewasa dengan seorang juvana.
- (100 markah)
7. Bagaimana sesuatu sistem keadilan jenayah menjalankan fungsinya sebagai alat kawalan sosial?
- (100 markah)

## Lampiran

### Arahan berkaitan lampiran

Lampiran-lampiran yang disertakan dalam kertas peperiksaan ini adalah salinan statut-statut yang hanya berfungsi sebagai alat bantuan teknikal dalam menjawab soalan-soalan peperiksaan dalam kursus ini. **Anda diingatkan bahan-bahan ini tidak akan membantu anda jika anda tidak membuat persediaan yang khusus untuk peperiksaan ini.**

**Lampiran-lampiran ini akan dikumpul semula apabila tamat waktu peperiksaan ini. Anda tidak dibenarkan membuat sebarang tulisan atau tanda di mana-mana mukasurat lampiran ini.**

Lampiran ini mengandungi bahan-bahan berikut:

1. **Perlembagaan Persekutuan, Perkara 1-11, 29-67, 73-75, 121-146.**
2. **Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164), seksyen 46B-68, 76-87, 98-103.**
3. **Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam Perlis 1991, seksyen 45-80, 115-131.**
4. **Akta Keganasan Rumahtangga 1994 (Akta 521).**
5. **Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991 (Akta 468).**
6. **Akta Mahkamah Juvana 1947 (Akta 90).**